



<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

**[ISQAT TADBIR AL-'UYUB APPROACH IN STRENGTHENING
WOMEN'S SELF-RESILIENCE]**

**PENDEKATAN ISQAT TADBIR AL-'UYUB DALAM MEMPERKASAKAN
KETAHANAN DIRI WANITA**

SITI HAJAR MOHAMAD YUSOFF
NOR SHAKIRAH AZIZAN
NORHASHIMAH YAHYA
SITI FATIMAH SALLEH
MOHD SANI ISMAIL
NUR SAKIINAH AB AZIZ³

¹ Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)
Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

*Corresponding Author: habiburrahman@unisza.edu.my

Received Date: 7 November 2019 • Accepted Date: 28 November 2020

Abstract

In an effort to develop current generations who are competitive and have self-resilience in this era of globalization, The Ministry of Women, Family and Community Development (2019) wished to develop women who possess knowledge and vision, creativity, innovation and acknowledging noble values. The government's efforts indirectly showed the importance of self-resilience in facing various types of current challenges. There are studies which show that there are differences in the level of self-resilience among women. However, this aspect of self-resilience can be trained and learned. Therefore, this study aims to investigate and propose its solution through Isqat Tadbir Al-'Uyub approach in strengthening women's self-resilience to avoid stress and psychological problems due to lack of understanding toward the teachings of the Quran. To address the questions and objectives of this study, a qualitative approach using documents analysis was applied. This study method is based on library research by analyzing the book of turath. This study found that the Isqat Tadbir Al-'Uyub approach is able to contribute in developing women with self-resilience who are then able to contribute in development of family, community and the country.

Keywords: Isqat tadbir al-'uyub, self-resilience, women.

Abstrak

Dalam usaha membangunkan generasi masa kini yang berdaya saing dan mempunyai ketahanan diri di era globalisasi ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (2019)

berusaha untuk melahirkan wanita yang berilmu dan berwawasan, mempunyai daya kreativiti, dan inovasi serta menghayati nilai-nilai murni. Rentetan daripada usaha kerajaan tersebut secara tidak langsung memperlihatkan kepentingan aspek ketahanan diri dalam berhadapan dengan pelbagai cabaran semasa. Terdapat kajian yang menunjukkan wujud pebezaan tahap ketahanan diri dalam kalangan wanita. Namun, aspek ketahanan diri ini boleh diasah dan dipelajari. Justeru, kertas kerja ini bertujuan untuk mengkaji dan mencadangkan penyelesaiannya menerusi pendekatan Isqat Tadbir Al-'Uyub dalam memperkasakan ketahanan diri wanita agar terhindar dari tekanan dan masalah jiwa akibat dari kurangnya pemahaman tentang ajaran al-Quran. Bagi menjawab persoalan dan tujuan kajian, reka bentuk pendekatan kualitatif menggunakan analisis dokumen diaplikasikan dalam kajian ini. Metod kajian ini berdasarkan kajian perpustakaan dengan menganalisis kitab turath. Kajian ini mendapati pendekatan Isqat Tadbir Al-'Uyub mampu menyumbang dalam membangunkan golongan wanita yang berdaya tahan seterusnya berupaya memberi sumbangan dalam konteks pembangunan keluarga, masyarakat, dan Negara.

Kata Kunci: Isqat tadbir al-'uyub, ketahanan diri, wanita

Cite as: Siti Hajar Mohamad Yusoff, Nor Shakirah Azizan, Norhashimah Yahya, Siti Fatimah Salleh, Mohd Sani Ismail & Nur Sakiinah Ab Aziz. 2020. Pendekatan *isqat tadbir al-'uyub* dalam memperkasakan ketahanan diri wanita. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 21(3): 87-100.

PENGENALAN

Dasar Wanita Negara yang diperkenalkan oleh Jabatan Pembangunan Wanita, di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (2019) berhasrat untuk merealisasikan aspirasi kerajaan dalam membangunkan modal insan yang berdaya saing dan mempunyai ketahanan diri dengan melahirkan wanita yang berilmu dan berwawasan, mempunyai daya kreativiti, dan inovasi serta menghayati nilai-nilai murni. Rentetan daripada usaha kerajaan tersebut secara tidak langsung memperlihatkan kepentingan aspek ketahanan diri individu yang harus dipupuk sejak di peringkat sekolah sehinggalah dewasa dalam berhadapan dengan pelbagai cabaran semasa seperti masalah sosial dan tingkah laku (Azizi et al., 2008; Yusoff et al., 2019). Syed Mohamed Shafeq dan Hairiza (2009) mendapati, meskipun seseorang individu berjaya menyambung pengajian di peringkat universiti serta cemerlang dalam akademik, mereka masih tidak terlepas dari menghadapi pelbagai masalah lain seperti masalah peribadi, keluarga, krisis identiti, kesihatan mental, dan lain-lain. Walaupun hanya sebilangan individu terlibat, namun dibimbangi jika tidak dibendung dari awal, individu akan berubah ke arah yang lebih teruk. Apabila masalah yang dialami oleh individu telah mengheret mereka ke dalam satu keadaan diri yang tertekan, ia mengakibatkan mereka tidak mampu reda menerima ujian, tidak dapat berfikir secara positif, dan hilang daya ketahanan diri sehingga mengambil keputusan untuk terjebak dengan pelbagai aktiviti yang tidak sihat (Fauziah et al., 2012). Ini seringkali dialami oleh individu apabila sistem kognitif mereka itu dikaitkan dengan unsur-unsur negatif yang wujud di sekitar mereka, yang mana situasi ini perlu dihadapi oleh mereka bagi meneruskan kehidupan yang pastinya melibatkan kelompok sosial tertentu (Leahy, 1996).

Berbalik kepada puncanya, satu pendekatan yang difikirkan dapat membantu seseorang individu adalah dengan memahami konsep *Isqat Tadbir al-'Uyub* dalam membina ketahanan diri mereka agar terhindar dari tekanan dan masalah jiwa yang mana dapat membantu dalam menangkis segala masalah dan keadaan buruk yang dihadapi. Di sinilah aspek *Isqat Tadbir al-'Uyub* yang dijelaskan oleh Uthman Shihab al-Din (1925) dan aspek ketahanan diri yang ditekankan oleh Russell dan Russell (2006) perlu diberi perhatian. Tanpa ketahanan diri yang jitu, mungkin individu akan hanyut dalam arus globalisasi yang begitu menyesak ini. Justeru, individu harus mengalami anjakan paradigma dengan pemupukan ciri-ciri yang mampu memperkuat ketahanan diri mereka. Pemahaman agama berkaitan *Isqat Tadbir al-'Uyub* yang bermaksud meninggalkan tadbir yang tercela mampu membantu individu membina benteng pertahanan diri daripada pelbagai unsur yang tidak sihat yang mampu mencetuskan pemikiran negatif dan tidak rasional dalam diri mereka.

Berdasarkan kajian Syed Mohamed Shafeq dan Hairiza (2009) tiga kategori masalah yang paling mengganggu seseorang individu ialah kebolehsuaian, hubungan sosial, serta moral dan agama, di mana aspek kebolehsuaian dan hubungan sosial termasuk di dalam dimensi ketahanan diri sebagaimana yang dinyatakan oleh Russell dan Russell (2006) bagi menjelaskan berkaitan skala ketahanan diri yang dibangunkan olehnya. Di samping itu, aspek moral dan agama hakikatnya perlu diberi penekanan sejak kecil, khususnya oleh ibu bapa yang seharusnya memainkan fungsinya di dalam keluarga (Roselina, 2006). Maka, dapat diperhatikan di sini bahawa isu ketahanan diri dan pemahaman nilai agama perlu diberi perhatian sejak awal lagi supaya individu lebih bersedia dari segi mental dan fizikal apabila melangkah ke alam universiti, kolej, pekerjaan, rumah tangga, dan sebagainya yang mana seseorang individu perlu berinteraksi dan berhadapan dengan kelompok masyarakat yang lebih besar dan pelbagai. Kajian Sapouna dan Wolke (2013) serta Irmohizam Ibrahim dan Muhammad Hussin (2016) mendapati wanita mempunyai tahap ketahanan diri yang lebih rendah berbanding lelaki. Namun, aspek ketahanan diri ini boleh diasah dan dipelajari. Justeru, kajian ini bertujuan untuk meneliti dan mencadangkan penyelesaiannya menerusi pendekatan *Isqat Tadbir al-'Uyub* dalam memperkasakan ketahanan diri agar terhindar dari tekanan dan masalah jiwa akibat dari kurangnya pemahaman tentang ajaran al-Quran.

KONSEP KETAHANAN DIRI

Model Ketahanan Diri dibangunkan oleh Russell dan Russell (2003) bagi mengenal pasti tahap ketahanan diri individu dalam menghadapi sesuatu perubahan. Model Ketahanan Diri Russell dan Russell (2003) telah dibina berdasarkan Teori Ketahanan Diri Reivich dan Shatte (2002) dalam usaha membangunkan inventori bagi mengenal pasti ciri-ciri individu yang berdaya tahan, dan seterusnya boleh digunakan juga oleh para pemimpin perubahan dan profesional bagi membantu membimbing pemantapan ketahanan diri individu melalui latihan, mentor, bimbingan, dan sebagainya, di samping membantu dalam proses pembentukan dan pelaksanaan inisiatif perubahan kepada memaksimumkan komitmen seseorang individu. Selain Reivich dan Shatte (2002), hasil kerja Russell dan Russell (2003) dalam membangunkan model ketahanan diri ini juga adalah berasaskan kepada penyelidikan beberapa pengkaji sebelumnya (Bernard, 1991; Garmezi, 1991; Rutter, 1977; Werner & Smith, 2001), yang mana telah membawa kepada kesimpulan utama iaitu, ketahanan diri merujuk kepada cara berfikir dan bukan merupakan satu

keadaan yang statik, yang mana ketahanan diri boleh dibangunkan dan diperkukuhkan, serta mempunyai beberapa aspek dan dimensi.

Russell dan Russell (2003) menekankan tentang kemampuan seseorang individu untuk pulih atau menyesuaikan diri ketika menghadapi sesuatu perubahan atau masalah dalam hidup. Ini kerana, ketahanan diri merupakan kemampuan yang ada pada individu untuk pulih kembali selepas mengalami kesukaran atau tekanan dalam hidup. Ketahanan diri juga merujuk kepada pemikiran, iaitu tentang bagaimana individu berfikir. Cara pemikiran seseorang atau 'model mental' secara langsung akan mempengaruhi dan membentuk cara seseorang individu itu melihat dunia dan dirinya sendiri. Ini sekaligus akan mempengaruhi tingkah lakunya dalam menghadapi kesukaran dan tekanan yang wujud di sekitarnya, sama ada secara produktif atau sebaliknya. Sementara, kekuatan yang ada pada ketahanan minda serta kemampuan bertindak laku pula akan membantu individu itu dalam mempengaruhi dan membentuk persekitarannya. Bagi menghuraikan dengan lebih mendalam berkaitan Model Ketahanan Diri, Russell dan Russell (2003) telah menghuraikan lapan aspek yang menyumbang terhadap pembentukan ketahanan diri individu, di mana setiap dimensi boleh dijelaskan seperti berikut:

- a. Jaminan diri: Aspek ini mengukur tentang bagaimana individu melihat dunia sebagai sesuatu yang kompleks dan mencabar, tetapi penuh dengan peluang. Individu juga mempunyai keyakinan diri dan persepsi diri yang positif serta yakin akan keupayaannya dalam menempuh pelbagai bentuk cabaran dengan harapan dan keyakinan yang realistik yang ada pada dirinya.
- b. Visi peribadi: Visi peribadi bertujuan untuk mengetahui tahap kepercayaan diri individu kerana amat penting bagi individu membentuk visi yang jelas tentang apa yang ingin dicapai. Ini penting agar sesuatu kesukaran atau tekanan dapat ditempuhi dengan keinginan yang ada dalam diri seseorang individu.
- c. Fleksibel: Fleksibel adalah kemampuan untuk berubah atau menyesuaikan diri mengikut sesuatu keadaan atau persekitaran. Ini bermakna individu mampu bertindak balas bersesuaian dengan sesuatu keadaan itu, di samping tidak melupakan visinya dalam usaha mencari pelbagai alternatif dan peluang dalam hidupnya.
- d. Teratur: Aspek ini membantu menjelaskan tentang bagaimana individu akan membina struktur dan kaedah tersendiri secara teratur bagi menghasilkan ketenteraman dan kestabilan dalam dirinya. Individu juga mempunyai matlamat yang realistik dan sebarang cabaran atau kesukaran mampu ditempuhi serta diuruskan dengan tenang, berdasarkan matlamat hidupnya yang jelas.
- e. Penyelesai masalah: Aspek ini melibatkan pemikiran yang kritis dan berkesan. Individu perlu melihat sesuatu masalah yang agak mustahil untuk diselesaikan itu sebagai cabaran dan peluang bagi pembelajaran dan perkembangan dirinya. Individu juga mempunyai ciri-ciri seperti mampu bekerjasama dengan pihak lain dalam menyelesaikan sesuatu masalah serta bersedia membuat jangkakan terhadap halangan-halangan dan langkah-langkah yang mungkin tidak berjaya.
- f. Kecekapan interpersonal: Merupakan kemampuan individu dalam menunjukkan empati dan memahami orang lain. Kecekapan ini membantu individu dalam mempamerkan kecerdasan emosinya iaitu berkaitan kesedaran diri, kawalan diri, dan kesedaran sosialnya.

- g. Hubungan sosial: Perhubungan sosial ini melibatkan pembinaan hubungan, berkongsi cerita atau masalah, bersama-sama mencari jalan penyelesaian dan meneroka peluang yang ada, membina persefahaman, menyumbang ke arah kebaikan diri dan orang lain, serta mampu menyentuh hati orang lain.
- h. Proaktif: Aspek ini membantu untuk melihat perubahan individu secara langsung. Individu jenis ini lazimnya akan memberi tumpuan dan mengembangkan lingkungan pengaruhnya, serta lebih fokus kepada tindakan yang boleh diambil dan dipilih, berbanding menunggu orang lain bertindak atau disuruh.

TAKRIF ISQAT TADBIR AL-'UYUB

Dari sudut bahasa makna *isqat* bermaksud menggugurkan atau meninggalkan (Uthman Shihab al-Din, 1925) juga menjatuhkan atau membuang (Muhammad Idris, 1990) Perkataan *tadbir* pula berasal daripada perkataan Arab dan telah juga digunakan dalam bahasa Melayu sebagai "tadbir". Oleh yang demikian, *isqat al-Tadbir* dari sudut bahasa boleh didefinisikan sebagai mengugurkan tadbir. Namun begitu *isqat al-Tadbir* yang dimaksudkan dalam kitab *Tanwir al-Qulub Fi Isqat Tadbir al-'Uyub* adalah meninggalkan tadbir yang tercela dan bukanlah meninggalkan tadbir yang terpuji (Uthman Shihab al-Din, 1925; Nor Shakirah, 2015).

KONSEP ISQAT AL-TADBIR

Menurut Ibn 'Ata' Allah (1997) dalam *al-Tanwir Fi Isqat al-Tadbir*, "*isqat al-tadbir* adalah bagi nafsu engkau" dan berdasarkan penelitian terhadap kitab Jawi *Tanwir al-Qulub Fi Isqat Tadbir al-'Uyub* makna judul kitab ini juga menggambarkan *isqat al-tadbir* terhadap *tadbir* yang tercela. Ini menunjukkan istilah bahasa yang telah digunakan oleh Ibn 'Ata' Allah dan 'Uthman adalah tidak serupa. Namun begitu, makna di sebalik ayat tersebut adalah sama. Namun, terdapat perkataan meninggalkan *tadbir* telah digunakan oleh 'Uthman sebagai contohnya "*maka lazim bagi hamba itu meninggal tadbir dan ikhtiyar bersama-sama Allah Taala kerana tiada baginya yang demikian itu.*" Oleh yang demikian, penulis menulis di bahagian tajuk artikel ini menggunakan perkataan *Isqat Tadbir al-'Uyub* berpandukan nama kitab *Tanwir al-Qulub Fi Isqat Tadbir al-'Uyub*.

Konsep *isqat al-Tadbir* diketengahkan untuk membawa manusia, termasuklah kaum wanita mempelajari dan memahami sifat Esa yang ada pada Allah Taala dalam mentadbir sesuatu urusan dan Allah yang maha memiliki (*al-Mulk*) dan berupaya menundukkan (*al-Qahhar*) segala sesuatu di dunia ini (Ibn 'Ata' Allah, 1997), Hakikatnya, ini merupakan ajaran yang sepatutnya dipelajari dan difahami menerusi konsep ketuhanan. Konsep *isqat al-Tadbir* menekankan peranan manusia sebagai hamba yang mana perlu belajar untuk menerima dengan redha berkaitan hukum-hakam dan ketentuan yang telah ditetapkan oleh Allah (Uthman Shihab al-Din, 1925). Konsep ini turut mengajak manusia untuk membersihkan hati daripada sikap *mazmumah* supaya dihiasi dengan sifat terpuji untuk mencapai keredhaan Allah di dunia dan di akhirat, dengan memiliki nafsu yang disinari cahaya iaitu *nafs mutma'innah* yang mana dimiliki oleh orang beriman yang sentiasa berusaha mendekatkan dirinya dengan Allah Taala (Mujieb, 2009).

Konsep *isqat al-tadbir* juga menerangkan tentang kaedah *tadbir* dan melarang dalam melawani takdir. Ibn ‘Ata’ Allah menjelaskan bahawa ajaran Islam mengandungi aspek zahir dan batin. Zahir Islam adalah permuafakatan dengan Allah, manakala batin Islam adalah tiada perbalahan (bantahan). Justeru boleh difahami Islam merupakan bahagian struktur badan atau bingkai yang tidak boleh bertentangan, manakala penyerahan pula adalah bahagian hati. Islam dilihat seperti rupa bentuk daripada aspek zahirnya, sedangkan penyerahan adalah ruh daripada aspek batinnya. Jika seseorang muslim patuh serta tunduk dirinya kepada Allah, maka secara zahirnya ia adalah muslim yang mentaati suruhan Allah, lalu batin muslim itu menerima penaklukan Allah Taala serta menyerahkan dirinya kepada Allah terhadap pembatalan dan penetapan sesuatu perkara. (Ibn ‘Ata’ Allah, 1997).

Saranan Ibn ‘Ata’ Allah di halaman 11 dan Shaykh ‘Uthman Shihab al-Din di halaman 3 dan 4 menasihati supaya meninggalkan *tadbir* bersama-sama *tadbir* Allah Taala berdasarkan dalil al-Qur’an dalam Surah Al-Qasas ayat 68 yang bermaksud:

“Dan Tuhanmu menciptakan apa yang dirancangan berlakunya dan Dia lah jua yang memilih satu-satu dari makhlukNya untuk sesuatu tugas atau keutamaan dan kemuliaan, tidaklah layak dan tidak berhak bagi sesiapaupun memilih selain dari pilihan Allah. Maha suci Allah dan Maha tinggilah keadaanNya dari apa yang mereka sekutukan denganNya”.

Idea berkenaan *isqat al-tadbir* yang dibawa oleh Ibn ‘Ata’ Allah dan ‘Uthman adalah menjaga amalan hati untuk tiada perasaan bertentangan dengan takdir dan *tadbir* dari Allah. Idea ini juga membuktikan orang yang menyerahkan diri kepada Allah tidak berkuasa dan Allah yang maha kuasa. Penyerahan diri ini bukanlah menafikan adanya kudrat atau kuasa kemampuan makhluk yang diberikan oleh Allah. Penyerahan ini membuktikan keyakinan terhadap kekuasaan Allah. Ianya juga menggambarkan setiap sesuatu kejadian mestilah berlaku atas sebab keizinan daripada Allah Taala. Sebagai seorang hamba mestilah ingat setiap saat yang berlaku di atas alam ini sama ada yang berlaku itu urusan *tadbir* yang buruk atau baik ke atas makhluknya tanda kekuasaan dan merupakan kehendak Allah. Secara adabnya, urusan *tadbir* yang baik mestilah datang daripada Allah Taala manakala urusan *tadbir* yang buruk pula datangnya daripada kelemahan hambanya walaupun secara hakikatnya sebenarnya semua itu datangnya daripada Allah walaupun *tadbir* yang buruk dikenakan ke atas manusia, ia sebenarnya adalah merupakan perkara yang baik jua secara hikmah kejadian sesuatu perkara dari Allah. Namun begitu, tidak wajarlah di sini untuk mengeneipkan soal usaha daripada hamba dan soal kuasanya Allah Taala sepertimana berlakunya kecelaruan fahaman di dalam firqah Jabariah dan Qadariah. Kitab *Tanwir fi Isqat Tadbir al-‘Uyub* jelas menafikan kebenaran fahaman golongan Jabariah. Golongan ini tidak mengikut jalan suruhan Nabi s.a.w kerana mereka beriktihadkan boleh melakukan perkara maksiat kerana ia merupakan kehendak Allah. Ini menunjukkan mereka tidak redha dengan suruhan Nabi s.a.w. Mutiara kata dalam kitab *Tanwir Fi Isqat Tadbir Al-‘Uyub* menerangkan :

“Dan seorang yang *rida* dengan Nabi Muhammad Salla Allah ‘Alayh wa Sallam Nabinya mengikut ia akan jalannya dan suruhnya maka tiadalah sempurna bagi seorang itu, melainkan ada padanya yang tersebut itu kerana *mustahil* seorang yang *rida* Allah

Taala tuhan nya tiada *rida* ia kepada agama *Islam* dan tiada *rida* dengan *Nabi Muhammad Salla Allah ‘Alayh wa Sallam Nabinya* kerana *lazim* berhimpun yang demikian itu, atasnya.”

Seterusnya, kata Ibn ‘Ata’ Allah, “pintu *tadbir* daripada Allah bagi engkau adalah *isqat al-tadbir* engkau bagi nafsu engkau.” Pada pandangannya, dalam memahami *konsep isqat al-tadbir* ini perlu menghayati tentang Pemilik hakiki yang sebenar bagi dunia dan akhirat ialah Allah dan segala yang menjadi milik hamba di dunia ini hanyalah pinjaman semata-mata. Sekiranya diteliti pemikiran Ibn ‘Ata’ Allah dan ‘Uthman ini dari sudut keyakinan hati, maka seolah-olah ia bersamaan dengan pandangan golongan Jabariah. Namun begitu, boleh disimpulkan bahawa pandangan ini tidak sama kerana Ibn ‘Ata’ Allah pada halaman 49 dan ‘Uthman pada halaman 18 menegaskan manusia perlu berusaha sebagaimana Nabi Dawud a.s. yang memakan hasil melalui usaha tangan kanannya sendiri. Ini menunjukkan bahawa manusia diberi kekuatan dan kemampuan oleh Allah untuk bebas memilih setiap kelakuan atau perbuatan yang akan dibuatnya. Oleh yang demikian, manusia juga dipertanggungjawabkan atas setiap pilihan perbuatannya sama ada dalam bentuk ganjaran atau seksaan yang akan diberikan oleh Allah Taala seperti mana firman Allah dalam Surah Yasin ayat 65 yang bermaksud:

Pada waktu itu Kami meteraikan mulut mereka sejurus dan memberi peluang kepada tangan-tangan mereka memberitahu kami kesalahan masing-masing dan kaki mereka pula menjadi saksi tentang apa yang mereka telah usahakan.

Selain itu, dapat dilihat juga apabila Ibn ‘Ata’ Allah menyebut pada halaman 47 dan ‘Uthman menyebut pada halaman 16 tentang pembahagian *tadbir* manusia di dunia untuk dunia dan *tadbir* manusia di dunia untuk akhirat. Ini jelas menafikan pemikiran kedua-duanya sama seperti pemikiran golongan Jabariah. Contohnya, wajib bagi seorang muslim memberi nafkah kepada anak perempuan, namun mereka membiarkan anak perempuan itu kelaparan kerana tidak memberi nafkah. Dan contoh yang lain ialah seseorang yang mencari nafkah melalui berjual beli, tetapi kemudiannya terpaksa meminta sedekah kepada orang lain. Kedua-dua golongan ini dicela kerana meninggalkan usaha, lupa kepada Allah, di samping kelalaian dalam menjalankan tanggungjawab serta lupa berbuat ibadat kepadaNya. Firman Allah dalam Surah Al-Nisa’ ayat 65 yang bermaksud:

Maka demi Tuhanmu, mereka beriman sebelum mereka menjadikan engkau Muhammad sebagai hakim dalam perkara yang mereka perselisihkan, sehingga kemudian tidak ada rasa keberatan dalam hati mereka terhadap putusan yang engkau berikan, dan mereka menerima dengan sepenuhnya.

Seterusnya, kitab *Sharh Thalathah Usul* menerangkan bahawa taklif merupakan sebahagian daripada takdir yang memerlukan manusia untuk melaksanakan tugas sebagai hamba dengan tidak lari daripada panduan syariat. Kenyataan ini membuktikan lagi bahawa konsep *isqat al-tadbir* ini tidak menyamai pandangan Jabariah yang tidak meletakkan suruhan syariat melainkan sekadar memberi hujah dengan *tadbir* Allah yang berkuasa tanpa *tadbir* yang disuruh dan dipuji oleh Allah ke atas manusia. Kitab *Tanwir fi Isqat Tadbir al-‘Uyub* menjelaskan lagi:

“Dan demikian lagi, *Islam* padanya *zahir* dan *batin* maka *zahirnya* mengikut suruh Allah Taala dan rasulnya dan *batinnya* tiada melawan *qadar* dan *sabr* atas *bala*’nya. Maka seolahnya *Islam* itu rupa dan menyerahkan sekalian”.

Pekerjaannya itu *ruhnya* maka orang yang *Islam* itu seorang menyerahkan *nafsnya* kepada Allah Taala dan *rida* kepada *qada*’nya. Maka seorang yang mengaku dirinya *Islam* dituntut dengan mensehkan ia kepada tuhanNya.

Ibn ‘Ata’ Allah menghuraikan makna *Islam* pada *zahir* dan *batin* dengan panjang lebar serta mencapai makna *isqat al-tadbir* dengan mengatakan *zahir* seorang muslim adalah mentaati suruhan Allah manakala *batin* bagi seorang muslim itu dengan menerima kepada penaklukan Allah ke atas dirinya dan menyerahkan kepada Allah bagi pembatalan dan penetapan hukum serta tidak berbantahan dengan hukumNya.

Seterusnya, kitab *Tanwir Fi Isqat Tadbir Al-’Uyub* menghuraikan berkenaan *isqat al-tadbir* melalui *maqamat*. Penghuraian ini sangat jelas dalam menerangkan supaya hamba mempraktikkan *isqat al-tadbir* di dalam kehidupan seharian dan memiliki jiwa yang tenang mengikut cara dan laluan jalan yang diredhai Allah. *Isqat al-tadbir* sangat memberi kesan bagi membentuk peribadi muslim yang diredai. Karangan ini memberi nasihat kepada manusia untuk mempunyai sifat taubat, zuhud, sabar, syukur, khauf, raja’, reda dan tawakal serta mahabbah ketika meninggalkan *tadbir* dan *ikhtiyar* kepada Allah. *Isqat al-tadbir* ini adalah untuk meninggalkan *tadbir* yang tercela dengan menggantikannya dengan *maqamat* tersebut dalam mendidik individu melindungi hati mereka daripada diresapi unsur tercela yang boleh merosakkan sifat baik seperti ikhlas dan reda (Syed Hadzrullathfi & Nurul Aarifah, 2018).

Isqat al-tadbir adalah untuk perhambaan atau *’ubudiyyah* kepada Allah. Selain itu, dalam *Kamus Dewan* ianya bersifat meninggalkan segala usaha dan perancangan kerana melihat setiap yang terjadi atas takdir Allah manakala bagi *Abi ‘Abbas al-Mursi* adalah kerehatan di dalam penyerahan kepada Allah dan meninggalkan *tadbir* bersama Allah. Menurut *Mu’jam Mustalahat al-Sufiyyah* *’ubudiyyah* bagi orang *khawwas* ialah reda atau berpuas hati dengan sesuatu yang dilakukan oleh Allah. Ada yang mengatakan *’ubudiyyah* terbahagi kepada empat iaitu kesetiaan dengan perjanjian dan reda dengan perkara yang berlaku atau ditentukan dan menjaga had sempadan serta sabar ke atas kehilangan. Seterusnya, ada yang membahagikan *’ubudiyyah* kepada tiga iaitu menahan diri daripada hawa nafsu, memagari daripada yang ditegah, dan taat pada suruhan Tuhan. Menurut Ibn ‘Ata’ Allah *isqat al-tadbir* adalah satu perjanjian dengan Allah. Oleh yang demikian, bagi menunjukkan kesetiaan dengan perjanjian adalah *isqat al-tadbir* bersamaNya.

Isqat al-tadbir dalam kitab *Tanwir al-Qulub fi Isqat Tadbir al-’Uyub* membicarakan tentang ilmu untuk menghadapi perkara-perkara atau peristiwa atau *tadbir* yang buruk yang berlaku ke atas diri manusia semasa menjalani kehidupan di dunia yang sementara ini. *Isqat al-tadbir* mendidik cara pengurusan hati manusia dengan perasaan baik sangka terhadap Allah Taala seperti mana firman Allah dalam Surah al-Baqarah ayat 216 yang bermaksud:

“Dan boleh jadi kamu benci kepada sesuatu padahal ia baik bagi kamu dan boleh jadi kamu suka kepada sesuatu padahal ia buruk bagi kamu. Dan ingatlah Allah jualah yang mengetahui semuanya itu sedang kamu tidak mengetahuinya”.

Bersangka baik dengan Allah menunjukkan adanya harapan, penerimaan dan penyerahan diri pada Allah di dalam kehidupan serta dalam masa yang sama manusia juga perlu berusaha. Selepas itu, Allah memberi kepada orang yang beriman mengikut apa yang disangkanya. Gambaran mengenai *Isqat al-tadbir* dapat melahirkan jiwa *mutma'innah* yang bersifat *tama'ninah* dan reda serta mendapati dengan meninggalkan *tadbir* dan membatalkan kehendak, sesuatu itu mengikut *tadbir* Allah dan kehendak Allah bukannya kehendak manusia. *Isqat al-tadbir* juga menunjukkan penerimaan hamba dan tawakal kepadaNya. *Isqat al-tadbir* menyebabkan jiwa *mutma'innah* ini kembali kepada Allah secara bermaruah dengan tiada *tadbir* bersama Allah. Orang yang berjiwa *mutma'innah* mempunyai redha terhadap Allah didunia dengan menerima hukum-hukum Allah dan akan mendapat keredaan Allah di akhirat. Bagi mereka keredaan Allah terhadap ahli syurga lebih besar daripada nikmat yang didapati di dalam syurga (Nurulhidayah, Azlina, & Abdul Manam, 2017). Tulisan dalam kitab *Tanwir Fi Isqat Tadbir Al-'Uyub* menunjukkan tidak sempurna iman seseorang melainkan menerima *qada'* dan *qadar* Allah, menerima hukum-hakam yang ditetapkan oleh Allah serta menerima ketentuan yang berlaku daripada Allah. Sebagai contoh dalam kitab *Tanwir al-Qulub Fi Isqat Tadbir al-'Uyub* ini ditulis :

“Maka tiadalah sempurna iman bagi seorang melainkan dengan mengerjakan suruh *shara'* dan *rida qadar* Allah Taala atasnya. Maka *wajib* atasnya hamba itu *rida* bagi *hukum* Allah Taala dan mengikut suruh Allah Taala dan rasulNya kerana tiadalah diterima iman seorang hamba Allah Taala itu hingga mengikut dan percaya kepada rasul Allah *Salla Allah 'Alayh wa Sallam.*”

PENDEKATAN ISQAT TADBIR AL-'UYUB DALAM MEMBENTUK KETAHANAN DIRI

Seseorang individu yang tidak berdaya tahan berkecenderungan untuk mudah berputus asa, menyalahkan diri, tidak berdaya, mengkritik diri, dan keterlaluhan memikirkan bahaya bagi sesuatu tindakan sehingga menjejaskan kawalan dirinya (Zainah et al., 2013). Hal ini berlaku akibat kurang memahami dan mendalami ajaran al-Quran yang menekankan aspek *isqat tadbir al-'uyub* dengan usaha, tawakkal, dan redho di mana individu sukar menerima kegagalan dan keadaan buruk yang menyimpannya sehingga menjadi seorang yang tidak berdaya tahan (Nasser, 2011; Syed Mohamed Shafeq & Hairiza, 2009). Sebaliknya, individu yang berdaya tahan lazimnya akan mempunyai jaminan diri, memiliki visi, mampu untuk fleksibel, bijak mengatur, mampu menyelesaikan masalah, mempunyai kecekapan interpersonal, mampu membina hubungan sosial, dan seorang yang proaktif (Nasser Ismail, 2011; Russell & Russell, 2003; Siti Hajar & Yahya, 2017) Ini kerana, apabila menghadapi sesuatu masalah atau kegagalan, mereka mampu berfikir secara rasional dan memahami konsep *Isqat al-Tadbir* yang mana boleh difahami melalui maksud kata-kata Abu al-Hasan al-Shadhili, “*bahawasanya adalah tidak dapat tidak daripada tadbir maka mereka mentadbir, sesungguhnya mereka tidak mentadbir*” (Ibn 'Ata' Allah, 1997).

Pada pandangan Ibn 'Ata' Allah (1997), kata-kata Abu al-Hasan al-Shadhili bermaksud manusia diberi kuasa oleh Allah untuk mentadbir di atas muka bumi sama ada mentadbir diri sendiri, keluarga, masyarakat dan negara. Namun begitu, segala tadbir yang dilakukan adalah

ditadbir oleh Allah, mengikut kehendakNya, dan mengikut takdir yang ditentukan oleh Allah. Dan beliau juga berkata: “Kamu tidak memilih sesuatu daripada urusan kamu dan pilihlah untuk tidak memilih dan lari (mengelak) daripada memilih dan daripada kamu yang lari (mengelak daripada kena pilih) dan daripada segala sesuatu itu kembali kepada Allah”. Pada pandangan penulis kata-kata ini menyarankan supaya mengikuti pilihan Allah dan tidak memilih untuk mengikuti pilihan nafsu. Ini kerana Allah mengetahui segala sesuatu dan segala yang diberikan oleh Allah kepada hambaNya adalah yang terbaik. Selain itu, keterbatasan manusia dalam mengetahui semua perkara dan berkemungkinan sesuatu yang dibenci oleh manusia adalah baik dan sesuatu yang disukai adalah buruk. Justeru, boleh disimpulkan bahawa *isqat al-tadbir* dalam konteks ini ialah penerimaan takdir dan *tadbir* daripada Allah Taala dan manusia tiada daya lagi dalam melawan takdir dan *tadbir* Allah (Ibn ‘Ata’ Allah, 1997). Ini menunjukkan bahawa *isqat al-tadbir* ini merujuk kembali kepada perbuatan hamba yang ada padanya perbuatan Allah kerana hanya Allah sahajalah yang mentadbir sekalian alam sesuai dengan namaNya *al-Mudabbir* yang bermaksud Maha Mentadbir (Mohd Zaidi Ismail, 2013).

Pada asasnya, ketahanan diri muncul sebagai satu konsep dalam kesusasteraan psikopatologi pada awal tahun 1970 (Werner, 1971). Kemudian idea ketahanan diri dikembangkan sehingga dianggap sebagai ciri personaliti yang kekal stabil. (Fredrickson & Branigan, 2005). Walau bagaimanapun, sehingga kini banyak kajian telah dilaksanakan berkaitan ketahanan diri dan ramai penyelidik mengakui bahawa konsep ketahanan diri dapat difahami sebagai satu proses dinamik yang wujud dalam persekitaran individu, khususnya dari aspek kebolehsuain dan hubungan sosial yang terbentuk dalam keluarga dan ini termasuklah didikan moral dan agama yang diterapkan dalam diri individu sejak kecil (Himmel, 2015; Syed Mohamed Shafeq Syed Mansor & Hairiza Othman, 2009; Vanderbilt-Adriance & Shaw, 2008).

Masalah tingkah laku dan sosial akibat kurangnya daya tahan menjadi bukti kelemahan iman disebabkan kekurangan penghayatan kerohanian terhadap ajaran Islam (Yuseri, Sapora & Marina Munira (2007). Menurut perspektif tasawuf, masalah tingkah laku yang berlaku dilihat sebagai masalah kelemahan jiwa. Ini adalah kerana kekotoran jiwa disebabkan maksiat dan pengenalan diri terhadap Allah di tahap yang rendah. Berpandukan ilmu tasawuf, masalah ini dapat ditangani melalui pendekatan penyucian jiwa daripada sifat-sifat yang cela kepada sifat-sifat yang terpuji sebagaimana yang ditekankan dalam konsep *Isqat Tadbir al-'Uyub*. Walau bagaimanapun, dalam membina ketahanan diri dan membentuk akhlak mahmudah memerlukan proses pembersihan jiwa terlebih dahulu. Masalah yang timbul sehingga menjadikan individu tertekan dan merasa tidak berdaya adalah berpunca dari kurang penghayatan al-Quran, kegersangan jiwa, dan iman yang lemah, yang mana membuatkan individu sukar memahami konsep *Isqat Tadbir al-'Uyub*, seterusnya tidak mampu menerima takdir dengan redho, yang mana keadaan ini jugalah yang menyumbang terhadap ketahanan diri yang rendah (Nasser, 2011; Uthman Shihab al-Din, 1925; Nor Shakirah, 2015).

Dalam menangani tekanan, masalah, dan situasi buruk, penghayatan kepada agama melalui konsep syukur dan redho merupakan faktor utama yang perlu diterapkan ke dalam diri individu. Individu yang mematuhi syariat Islam dan meninggalkan larangan Allah menandakan akhlak yang mulia dan amal yang soleh serta iman yang kuat disebabkan ilmu yang diamalkan dan mampu menyucikan jiwa. Penghayatan al-Quran dan penelitian kitab *turath* seperti yang dibincangkan di dalam artikel ini begitu penting kerana memberi kesan kepada ketahanan diri dan kualiti peribadi individu yang seimbang dari segi jasmani, mental, rohani, dan emosi

melalui proses penerapan nilai-nilai agama seperti pendekatan konsep *Isqat Tadbir al-'Uyub*. Justeru, pembangunan Negara dapat dicetuskan melalui rakyat yang memiliki ketahanan diri, kekuatan iman, kepatuhan syariat agama, dan akhlak yang baik serta kepandaian dalam segala bidang ilmu dan teknologi untuk mencapai *al-falah* di dunia dan di akhirat yang membawa kepada peningkatan taraf hidup masyarakat dan mendapat keredaan Allah S.W.T. Pembinaan keharmonian antara individu, masyarakat, dan alam sekitar berpandukan peraturan Islam menjadikan manusia sebagai khalifah yang memegang amanah serta bertanggungjawab mengharmonikan alam ini dengan menyedarkan masyarakat bahawa penerapan ilmu Islam membawa penyelesaian kepada semua masyarakat sejagat. Ini membuktikan iman dan taqwa adalah penentu kepada kemakmuran alam.

Maka, konsep *Isqat Tadbir al-'Uyub* wajar diketengahkan untuk membawa manusia, termasuklah bagi membantu bukan sahaja kaum wanita, malah lebih ramai individu mempelajari dan memahami sifat Esa yang ada pada Allah Taala dalam mentadbir sesuatu urusan dan Allah yang maha memiliki (al-Mulk) dan berupaya menundukkan (al-Qahhar) segala sesuatu di dunia ini (Ibn 'Ata' Allah, 1997). *Isqat al-Tadbir* yang dimaksudkan dalam kitab *Tanwir al-Qulub Fi Isqat Tadbir al-'Uyub* adalah meninggalkan tadbir yang tercela dan bukanlah meninggalkan tadbir yang terpuji (Uthman Shihab al-Din, 1925). Hakikatnya, dalam membentuk individu yang berdaya tahan dengan mempunyai ciri-ciri seperti mempunyai jaminan diri, memiliki visi, mampu untuk fleksibel, teratur dalam mencapai matlamat, mampu menyelesaikan masalah, mempunyai kecekapan interpersonal dan hubungan sosial yang baik, serta proaktif, pendekatan konsep ini menekankan peranan manusia sebagai hamba yang mana perlu belajar untuk menerima dengan redha berkaitan hukum-hakam dan ketentuan yang telah ditetapkan oleh Allah (Nasser, 2011; Uthman Shihab al-Din, 1925). Konsep ini turut mengajak manusia untuk membersihkan hati daripada sikap mazmumah dengan memiliki nafsu yang disinari cahaya iaitu *nafs mutma'innah* (Mujiieb, 2009). *Isqat al-Tadbir al-'Uyub* yang dibincangkan ini merupakan ilmu aqidah dan tasawuf yang berfokuskan kepada kepercayaan terhadap Allah yang berkuasa dan menjadikan serta mentadbirkan atas tiap-tiap sesuatu. Ini adalah sebuah ilmu yang boleh merawat hati bagi orang yang ada syak prasangka buruk terhadap Allah dan mereka yang yang tidak mampu bertahan sehingga tidak dapat menerima dengan positif dan redha akan sesuatu masalah yang dihadapi. *Isqat al-Tadbir al-'Uyub* memerincikan tentang cara pemikiran dan kepercayaan manusia mengikut acuan Islam, sekaligus dapat membantu golongan wanita lebih berdaya tahan. Malahan terdapat penelitian sebelum ini mendakwa pemikiran Ibn 'Ata' Allah (1997) dan 'Uthman Shihab al-Din (1925) mengenai *Isqat al-Tadbir al-'Uyub* tidak bercanggahan dengan mazhab Ahli Sunnah wal Jama'ah dan adalah tidak sama dengan mazhab Jabariah yang mana menunjukkan ianya boleh diterima pakai di Malaysia (Nor Shakiran & Che Zarrina, 2017).

KESIMPULAN

Kesimpulannya, dapat difahami bahawa *Isqat al-Tadbir al-'Uyub* adalah dalam lingkungan ilmu syariat dengan melakukan apa yang disuruh dan meninggalkan apa yang dilarang oleh Allah serta ilmu tasawuf yang mendidik hati untuk meninggalkan *tadbir* tercela seperti melawani takdir. Akhir sekali, Para ulamak terdahulu termasuklah 'Uthman Shihab al-Din al-Funtiani menggunakan kitab Jawi sebagai medium perantaraan penyebaran maklumat Islam

dan mengembangkan pemikiran atau ilmu yang ada dalam kitab Jawi tersebut kepada masyarakat. Mereka berperanan sebagai seseorang yang berkepentingan di dalam masyarakat, berilmu pengetahuan yang tinggi dan bertanggungjawab dalam semua bidang seperti bidang kemasyarakatan, politik, pentadbiran, dan sebagainya serta tidak hanya berfokuskan kepada bidang penyebaran dakwah atau keagamaan semata-mata untuk mendidik masyarakat ke arah jalan yang benar mengikut acuan Islam (Farid, 2007). Justeru itu, kitab *Tanwir al-Qulub Fi Isqat Tadbir al-'Uyub* hasil karya Ibn 'Ata' Allah yang telah diterjemahkan oleh 'Uthman Shihab al-Din (1925) dilihat penting kerana pemikiran yang terdapat dalam kitab tersebut merupakan satu khazanah ilmu yang perlu diterokai, dipelajari dan difahami oleh masyarakat semasa. Oleh yang demikian, Artikel ini sangat bernilai sebagai rujukan dalam memupuk ketahanan diri kerana ia mengenengahkan ilmu tasawuf dan kaedah untuk *taqarrub* kepada Allah dengan melalui *Isqat al-Tadbir al-'Uyub* terhadap nafsu dan perbuatan yang dikeji sehingga berupaya menerima sesuatu keadaan yang sukar dengan redho, seterusnya berupaya membina ketahanan diri (Nasser, 2011).

Rujukan

- Abd. Rauf Hassan, Abdul Rahim Salleh, & Khairul Amin Mohd Zain. (2005). *Kamus Bahasa Melayu Bahasa Arab Bahasa Arab Bahasa Melayu*. Selangor: Oxford Fajar Sdn Bhd.
- Ali Fikri. (1938). *al-Mu'amalat al-Madiyah wa al-Adabiyah*, Juz 2, Mesir: Musthafa al-Babi al-Halabi, 1938.
- Azizi Yahya, Yusof Boon, Shahrin Hashim, Mohammad Sharif Mustaffa, & Zurhana Muhamad. (2008). *Indeks perlakuan buli di kalangan pelajar-pelajar di sekolah menengah dan rendah di Malaysia*. Skudai: UTM. Dimuat turun daripada eprints.utm.my/5853/1/78069.pdf
- Benard, B. (1991). *Fostering resiliency in kids: protective factors in the family, school, and community*. Portland, OR: Western Center for Drug-Free Schools and Communities.
- Farid Mat Zain.(2007). *Islam di Tanah Melayu Melayu Abad Ke-19*. Shah alam: Karisma Publication Sdn. Bhd.
- Fauziah Ibrahim, Bahaman Abu Samah, Mansor Abu Talib, & Mohamad Shatar Sabran. (2012). Drug addicts and the high risk situations of relapse. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(1), 38-49.
- Fredrickson, B. L., & Branigan, C. (2005). Positive emotions broaden the scope of attention and thought-action repertoires. *Cognition and Emotion*, 19(3), 313–332. doi:10.1080/02699930441000238
- Garnezy, N. (1991). Resiliency and vulnerability to adverse developmental outcomes associated with poverty. *American Behavioral Scientist*, 34, 416-430.
- Gordon, E. W., & Song, L. D. (1994). Variations in the experience of resilience. In M.C. Wang & E.W. Gordon (Eds.), *Educational resilience in inner-city America: Challenges and prospects* (pp. 27-43). Hillsdale, NJ: Lawrence Erlbaum Associates.
- al-Hifni, 'Abd al-Mun'im. (1980). *Mu'jam Mustalahat al- Sufiyyah*. Beirut: Dar al-Masirah.
- Himmel, J. P. (2015). *The understanding and promotion of resilience in college students*. (Tesis Kedoktoran yang tidak diterbitkan). Antioch University, United States.
- Ibn 'Ata' Allah. (1997). *Al-Tanwir fi Isqat al-Tadbir*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

- Ibn Manzur. (1956). *Lisan al-'Arab*. Beirut: Dar Sadir.
- Irmohizam Ibrahim & Muhammad Hussin. (2016). *Tahap daya tahan dalam kalangan pelajar IPTA di Malaysia dan di luar negara*. *Jurnal Personalia Pelajar*, 19(1), 75-85.
- Jabatan Pembangunan Wanita. (2019). *Dasar wanita negara dan pelan tindakan pembangunan wanita*: Portal Rasmi Jabatan Pembangunan Wanita.
- Jackson, D., Firtko, A., & Edenborough, M. (2007). Personal resilience as a strategy for surviving and thriving in the face of workplace adversity: a literature review. *Journal of Advanced Nursing*, 60(1), 1-9. doi:10.1111/j.1365-2648.2007.04412.x
- Luthar, S. S., Sawyer, J. A., & Brown, P. J. (2006). Conceptual issues in studies of resilience: past, present, and future research. *Annals of the New York Academy of Sciences*, 1094, 105-15. doi:10.1196/annals.1376.009
- Luthar, S. S., & Zelazo, L. B. (2003). Research on resilience: an integrative review. In S. S. Luthar (Ed.), *Resilience and vulnerability: Adaptation in the context of childhood adversities* (pp. 510–549). Cambridge: Cambridge University Press.
- Mashitah Taharin. (2005). *Tesaurus Bahasa Melayu Dewan Edisi Baru*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Masten, A. S., Best, K. J., & Garmezy, N. (1990). Resilience and development: contributions from the study of children who overcome adversity. *Development and Psychopathology*, 2, 425-444.
- Mohd Zaidi Ismail. (2011). *Good Governance Adab-Oriented Tadbir in Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Mohd Zaidi Ismail. (2013, Jun 10). *Pentadbiran Beradab: Faham dan Rencana Dasar*. Dimuat turun daripada http://www.utm.my/casis/wp-content/uploads/2013/06/6CASIS_ZI.Pen_tadbiran_Beradab1.pdf
- Muhammad 'Abduh. (2001). *Risalah al-Tawhid*. In Muhammad Rashid Rida & Bassam 'Abd al-Wahhab al-Jabi (Ed.), *al-Tawhid* (pp. 101). Cyprus: al-Jaffan & al-Jabi.
- Muhamad Idris Abdul Rauf al-Marbawi. (1990). *Qamus Idris al-Marbawi 'Arabi-Malayuwi*. Beirut: 'Alim al-Kutub.
- Muhamad Idris Abdul Rauf al-Marbawi. (1998). *Qamus Idris al-Marbawi 'Arabi-Malayuwi*. Beirut: 'Alim al-Kutub.
- Muhammad Fu'ad 'Abd al-Baqi. (1945). *al-Mu'jam al-Mufahras Li Alfaz al-Qur'an al-Karim*. Kaherah: Dar al-Kutub al Misriyyah.
- Mujieb, A. (2009). *Enseklopedi Tasawuf Imam al-Ghazali*. Jakarta: Mizan.
- Nasser Ismail. (2011). (*Resilience: The Meta-State of*). Dimuat turun daripada <https://transcend-n-actualise.page.tl/Daya-Tahan--k1-Resilience-k2-.htm>
- Nor Shakirah Azizan. (2015). *Isqat al-tadbir dalam kitab Tanwir al-Qulub Fi Isqat Tadbir al-'Uyub terjemahan 'Uthman Shihab al-Din al-Funtiani* (Disertasi sarjana yang tidak diterbitkan), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Noor Shakirah Azizan & Che Zarrina Sa'ari. (2017). *Isqat al-Tadbir dalam Kitab Tanwir al-Qulub Fi Isqat Tadbir al-'Uyub Terjemahan 'Uthman Shihab al-Din al-Funtiani*. *Jurnal Qalbu* 4.5 (Dis 2017): 108-130
- Reivich, K., & Shatte, A. (2002). *The resilience factor: 7 essential skill for overcoming life's inevitable obstacle*. New York: Broadway Books.

- Roselina Yusuf. (2006). *Merintis dedenai pulang: monograf perjalanan kepulangan bekas penagih 1*, Selangor: Kolej Universiti Islam Malaysia.
- Russell, J., & Russell, L. (2003). *Leading change training*. Alexandria, VA: ASTD Press.
- Russell, J., & Russell, L. (2006). *The 2006 Pfeiffer Annual Training: measuring employee resilience*. USA: Russell Consulting, Inc.
- Rutter, M. (1977). Protective factors in children's responses to stress and disadvantage. In M. W. Kent & J. E. Rolf (Eds.), *Primary prevention in psychopathology, Vol. III: Social competence in children*. Hanover, New Hampshire: University Press of New England.
- Sapouna, M., & Wolke, D. (2013). Resilience to bullying victimization: the role of individual, family and peer characteristics. *Child Abuse & Neglect, 37*, 997-1006.
- Shawqi Dayif. (2004). *Mu'jam al-Wasit*. Kaherah: Dar al-Shuruq al-Dawliyyah.
- Siti Hajar Mohamad Yusoff & Yahya Don. (2016). Kefungsian keluarga dan ketahanan diri pelajar. *The Asean Journal of Knowledge Contribution, 1*(5), 94-101.
- Syed Mohamed Shafeq Syed Mansor, & Hairiza Othman. (2009). Kategori masalah pelajar Tahun 1, Kolej Tun Razak, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor. *Journal of Educational Psychology and Counseling, 1*, 44-58.
- Umar, A. M. (2008). *Mu'jam al-Lughah al-'Arabiyyah al-Mu'asirah*. Beirut: 'Alim al-Kutub.
- 'Uthman Shihab al-Din. (1925). *Tanwir al-Qulub Fi Isqat Tadbir al-'Uyub*. (Kaherah: Matba'ah 'Isa al-Babi al-Halabi wa Shurakah.
- Vanderbilt-Adriance, E., & Shaw, D. (2008). Protective factors and the development of resilience in the context of neighborhood disadvantage. *Journal of Abnormal Child Psychology, 36*(6), 887-901.
- Wan Abdul Hamid Wan Teh. (2006). *Qamus Besar Arab-Melayu Dewan al-Mu'jam al-'Arabi al-Malayuwi al-Kabir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Werner, E. E. (1971). *The children of Kauai: a longitudinal study from the prenatal period to age ten*. Honolulu: University of Hawaii Press
- Werner, E., & Smith, R. (2001). *Journeys from childhood to midlife: risk, resilience, and recovery*. Ithaca, NY: Cornell University Press.
- Yuseri Ahmad, Sapora Sipun, & Marina Munira Abdul Mutalib (2007). Peranan kerohanian dalam menangani gejala dadah. *Jurnal Antidadah Malaysia, 137-154*.
- Yusoff, S. H. M., Ismail, M. S., Rahman, N. E. A., Ariffin, M. R., Don, Y., & Kasa, M. D. (2019). Family Functioning, Resilience, and Cognitive Distortion among Secondary School Students. *Internasional Journal of Academic Research in Business and Social Sciences, 9*(11), 695-709.
- Zainah Ahmad Zamani, Rohany Nasir, Asmawati Desa, Rozainee Khairudin, Fatimah Yusoff, & Siti Hajar Mohamad Yusoff. (2013). Kefungsian keluarga, pengherotan kognitif dan resilien dalam kalangan klien Cure and Care Rehabilitation Centre (CCRC) dan Klinik Cure and Care (C&C). *Jurnal Psikologi Malaysia, 27*, 137-149.
- Zainudin Sharif, & Norazmah Mohamad Roslan. (2011). Faktor-faktor yang mempengaruhi remaja terlibat dalam masalah sosial di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka. *Journal of Education Psychology & Counseling, 35*, 15-27.